



S A R A W A K

**PENYATA RASMI PERSIDANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DEWAN UNDANGAN NEGERI OFFICIAL REPORTS

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA
First Meeting of the Third Session

9 hingga 18 JULAI 2018

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS
EIGHTEENTH SARAWAK STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY

ISNIN

09 JULAI 2018

(25 SYAWAL 1439H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **9 Ogos 2018**

KANDUNGAN

BACAAN PERISYTIHARAN MESYUARAT	1
PERMASYURAN TUAN SPEAKER	1
UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK (Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud).....	1
PENANGGUHAN MESYUARAT	11
LAPORAN-LAPORAN YANG AKAN DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA PADA 9 HINGGA 18 JULAI 2018.....	12

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK YANG KELAPAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA

Isnin, 9 Julai 2018

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada jam 11.00 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nassar D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K. <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Gerawat Gala P.S.B.S., P.B.K. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.78 Mulu</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P. D.A., P.N.B.S., J.B.S. <i>Ketua Menteri</i> <i>Menteri Kewangan dan Perancangan Ekonomi</i> <i>Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli</i>	<i>N.8 Satok</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Dr James Jemut Anak Masing P.S.M., D.A., P.N.B.S., P.B.S. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan</i>	<i>N.64 Baleh</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Ketua Menteri</i> <i>Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan</i> <i>Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S. <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa dan E-Perdagangan</i> <i>Menteri Kewangan II</i>	<i>N.53 Bawang Assan</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.P.T., P.P.D. (Emas) <i>Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi</i>	<i>N.21 Tebedu</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah N.56 Dalat
P.N.B.S., P.G.B.K.
*Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan
Pembangunan Kanak-Kanak*
10. Yang Berhormat Datuk Prof. Dr Sim Kui Hian N.14 Batu Kawah
P.J.N.
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
11. Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi Anak Utom N.69 Kemena
P.J.N., A.B.S.
Menteri Bekalan Air Luar Bandar dan Elektrik
12. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah N.15 Asajaya
P.G.B.K., P.B.S.
Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan
13. Yang Berhormat Datuk John Sikie Anak Tayai N.60 Kakus
P.J.N P.B.S.
Menteri Muda Undang-Undang Adat dan Bumiputera
14. Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Naroden Bin Haji Majais N.26 Gedong
P.G.B.K., P.B.S.
*Menteri Muda Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana dan
Usahawan*
15. Yang Berhormat Datuk Francis Harden Anak Hollis N.32 Simanggang
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S.
Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti
16. Yang Berhormat Datuk Lee Kim Shin N.75 Senadin
P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S.
Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan
17. Yang Berhormat Datuk Haji Julaihi Bin Haji Narawi N.27 Sebuyau
P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D.
Menteri Muda Jalan Pesisir
18. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip Anak Susil N.19 Mambong
P.G.B.K., A.M.N.
Menteri Muda Pengangkutan
19. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang N.65 Belaga
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S.
Menteri Muda Bekalan Air
20. Yang Berhormat Puan Hajah Rosey Binti Haji Yunus N.71 Bekenu
J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.B.E.
Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak
21. Yang Berhormat Datu Haji Len Talif Salleh N.41 Kuala Rajang
D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
*Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam
Sekitar*
22. Yang Berhormat Datuk Roland Sagah Wee Inn N.20 Tarat
P.G.B.K., J.B.K., P.B.S.
Menteri Muda Pembangunan Adat Tanah
23. Yang Berhormat Dr Haji Abdul Rahman Haji Junaidi N.4 Pantai Damai
J.B.S., A.B.S.
Menteri Muda Elektrik Luar Bandar

24. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Hasidah Binti Sayeed Aman Ghazali
P.T.E.
Menteri Muda Undang-undang, Hubungan Negeri-Persekutuan dan Pemantauan Projek N.7 Samariang
25. Yang Berhormat Encik Malcom Mussen Lamoh
P.B.S., P.T.E.
Menteri Muda Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
26. Yang Berhormat Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Ismail
A.B.S., P.T.E.
Menteri Muda Pertanian N.79 Bukit Kota
27. Yang Berhormat Dr Haji Annuar Bin Rapae
P.T.E.
Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi
Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam N.55 Nangka
28. Yang Berhormat Datu Penguang Manggil
D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B.
Menteri Muda Kerajaan Tempatan N.76 Marudi
29. Yang Berhormat Encik Abdullah Bin Haji Saidol
P.T.E.
Menteri Muda Hal Ehwal Korporat N.42 Semop
30. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Menteri Muda Belia dan Sukan N.30 Balai Ringin
31. Yang Berhormat Tan Sri Datuk William Mawan Anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
32. Yang Berhormat Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu
D.A., P.B.E., P.P.D (Perak), P.S.B.S., P.B.S. N.3 Tanjung Datu
33. Yang Berhormat Datuk Ambrose Blikau Anak Enturan
P.G.B.K., P.B.S., A.M.N. N.55 Katibas
34. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Wahab Bin Aziz
P.G.B.K., J.B.S., P.P.B., P.P.D. N.38 Kalaka
35. Yang Berhormat Datuk Mong Anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D. N.31 Bukit Begunan
36. Yang Berhormat Dato Sri Haji Mohammad Ali Mahmud
P.N.B.S., D.S.A.P., S.I.M.P., P.P.D. N.17 Stakan
37. Yang Berhormat Dato Ranum Anak Mina
K.M.N., A.M.N., K.P.K., P.J.M., P.P.S., P.P.A., B.B.S., A.B.S., P.S.B.S. N.1 Opar
38. Yang Berhormat Puan Hajah Simoi Binti Haji Peri
P.T.E. J.B.K. N.28 Lingga
39. Yang Berhormat Encik Paulus Palu Gumbang
A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. N.80 Batu Danau
40. Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong Anak Ngipa
P.T.E. N.33 Engkilili
41. Yang Berhormat Encik Alexander Anak Vincent
K.M.N., P.T.E., P.B.K. N.49 Ngemah
42. Yang Berhormat Dr Haji Hazland Bin Abang Hipni
P.T.E. N.5 Demak Laut
43. Yang Berhormat Encik Martin Ben
P.T.E. N.22 Kedup

44. Yang Berhormat Ir Aidel Bin Lariwoo
P.T.E., P.B.S. *N.24 Sadong Jaya*
45. Yang Berhormat Encik Mohammad Razi Bin Sitam
P.T.E. *N.35 Saribas*
46. Yang Berhormat Encik Ripin Bin Lamat
J.B.K.,K.M.N., P.T.E. *N.72 Lambir*
47. Yang Berhormat Encik Dennis Ngau
P.T.E. *N.77 Telang Usan*
48. Yang Berhormat Encik Chiew Chiu Sing *N.68 Tanjong Batu*
49. Yang Berhormat Encik Baru Bian *N.81 Ba'Kelalan*
50. Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui *N.10 Pending*
51. Yang Berhormat Encik See Chee How *N.11 Batu Lintang*
52. Yang Berhormat Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor
P.T.E., P.B.S. *N.29 Beting Maro*
53. Yang Berhormat Encik Yussibnosh Balo *N.57 Tellian*
54. Yang Berhormat Dato' Haji Idris Bin Haji Buang
D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. *N.16 Muara Tuang*
55. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P. A.B.S. *N.73 Piasau*
56. Yang Berhormat Datuk Tiong Thai King
J.B.S., P.G.B.K. *N.52 Dudong*
57. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
D.I.M.P., S.S.A.P. *N.45 Repok*
58. Yang Berhormat Dato Henry Harry Anak Jinep
P.S.B.S., A.B.S. *N.2 Tasik Biru*
59. Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda Bin Jaya
DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P. *N.44 Jemoreng*
60. Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing
A.B.S., P.J.N. *N.46 Meradong*
61. Yang Berhormat Encik Ali Anak Biju *N.39 Krian*
62. Yang Berhormat Encik Wong King Wei *N.9 Padungan*
63. Yang Berhormat Encik David Wong Kee Woan *N.54 Pelawan*
64. Yang Berhormat Puan Irene Mary Chang Oi Ling *N.51 Bukit Assek*
65. Yang Berhormat Dr Ting Tiong Choon *N.74 Pujut*
66. Yang Berhormat Ir Lo Khere Chiang
B.B.S. *N.13 Batu Kitang*
67. Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong Anak Ijang *N.61 Pelagus*
68. Yang Berhormat Encik Miro Simuh *N.18 Serembu*
69. Yang Berhormat Encik John Anak Ilus
A.P.S. *N.23 Bukit Semuja*
70. Yang Berhormat Encik Fazzrudin Bin Haji Abdul Rahman *N.6 Tupong*
71. Yang Berhormat Encik Awla Bin Dris
A.B.S. *N.25 Simunjan*
72. Yang Berhormat Encik Jefferson Jamit Anak Unyat
B.B.S., P.B.S., K.M.N. *N.63 Bukit Goram*
73. Yang Berhormat Encik Gerald Rentap Jabu
A.B.S., P.P.N., J.B.K. *N.36 Layar*
74. Yang Berhormat Ir Christopher Gira Anak Sambang
P.B.K. *N.59 Tamin*

75. Yang Berhormat Encik Rolland Duat Anak Jubin	N.48 Meluan
76. Yang Berhormat Encik Abdul Yakub Bin Haji Arbi	N.58 Balingian
77. Yang Berhormat Encik Safiee Bin Haji Ahmad	N.43 Daro
78. Yang Berhormat Encik Chukpai Ugon P.P.N., A.B.S.	N.66 Murum
79. Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong A.B.S.	N.50 Machan
80. Yang Berhormat Encik Majang Anak Renggi	N.70 Samalaju
81. Yang Berhormat Encik Mohd. Chee Bin Kadir A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S.	N.40 Kabong

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Datuk Haji Talib Bin Zulpilip P.G.B.K., P.B.K., P.P.B., P.P.D., P.P.S. <i>Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsmen)</i>	N.67 Jepak
2.	Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen	N.12 Kota Sentosa

TURUT HADIR

1. Encik Semawi bin Mohamad
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Cik Sharifah Shazzea binti Wan Akil
Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Johari bin Mudin
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Ismail bin Ali
Bentara Mesyuarat
5. Inspektor Huzaimi bin Md Said
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEMBACA PRUF

- | | |
|--|--|
| 1. Puan Dayang Norazan Kartini Binti
Dato Pengiran Haji Zen | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |
|--|--|

JURUTRENGKAS

- | | |
|--|---|
| 1. Puan Sharlina binti Mushar | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak</i> |
| 2. Puan Anieta Sylvester Pungga | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 3. Puan Bernadette Willon | <i>Jabatan Kastam DiRaja Malaysia</i> |
| 4. Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka | <i>Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar</i> |
| 5. Puan Dzuridah binti Haji Sariee | <i>Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak</i> |
| 6. Puan Leidiana Azahari | <i>Kementerian Utiliti Sarawak</i> |
| 7. Puan Azah Mohamad Jally | <i>Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak</i> |
| 8. Puan Katerin @ Maria Jamali | <i>Dewan Bandaraya Kuching Utara</i> |
| 9. Puan Noorina Hamdan | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 10. Puan Siti Munirah binti Idris | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 11. Puan Zuriawati binti Mohd Laili | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 11. Puan Nur Izzatul Fatimah Abdullah | <i>Jabatan Kerja Raya Sarawak</i> |

- | | |
|--|---|
| 12. Puan Juliana Lugom | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 13. Puan Valarie Jane anak Aiman | <i>Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak</i> |
| 14. Puan Rosline Dominic Maon | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 15. Encik Mohd Alfadjer bin Tuah | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 16. Puan Winnie Vincent | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 17. Puan Meri Sabas | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 17. Puan Doris Hollis | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 18. Puan Tamenthi Komarusamy | <i>Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri</i> |
| 19. Puan Beatrice Dinus | <i>Jabatan Imigresen Negeri Sarawak</i> |
| 20. Puan Khadijah Khaider | <i>Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak</i> |
| 21. Puan Sabtuyah binti Adeng | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 22. Puan Mariana binti Brahim | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 23. Puan Nori binti Othman | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 24. Encik Mohamad Alfadzer bin Tuah | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 25. Encik Roland Ayak | <i>Jabatan Penjara Negeri Sarawak</i> |
| 26. Puan Noorina binti Hamdan | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 27. Puan Ratna Airwati binti Hj Md Junaidi | <i>Lembaga Pelancongan Sarawak</i> |
| 28. Puan Emely Edmund | <i>Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak</i> |
| 29. Cik Asmyrita Husna binti Ahmad | <i>Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri</i> |
| 30. Cik Priscilla Empurai | <i>Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri</i> |
| 31. Cik Fardianna Sulaiman Ng | <i>Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri</i> |
| 32. Encik Abdul Healee bin Bujang Seran | <i>Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri</i> |
| 33. Cik Azizah binti Merni | <i>Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri</i> |

RAKAMAN PROSIDING

- | | |
|-------------------------------------|--------------------------|
| 1. Encik Marzuki bin Abdul Hamid | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 2. Encik Liong Hai Toon | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 3. Encik Hussien Haji Shuni | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 4. Encik Edwin Jambol anak Radin | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 5. Encik Syed Faizal bin Wan Dahlan | <i>Jabatan Penyiaran</i> |
| 6. Cik Nordiana binti Rabaee | <i>Jabatan Penyiaran</i> |

JURUCETAK

- | | |
|---|--|
| 1. Encik Awang Faidzul bin Awang Aboone | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |
| 2. Encik Mohd. Nor Majidi bin Marekan | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |

JURUTEKNIK IT

- | | |
|---------------------------|--------------|
| 1. Encik Syordi Lokman | <i>SAINS</i> |
| 2. Encik Hibatullah Malek | <i>SAINS</i> |

MESSENGER

- | | |
|--|---|
| 1. Encik Abang Safry bin Abang Bohari | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 2. Encik Herman bin Siss | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 3. Encik Moksen bin Sion | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 4. Encik Junaidi bin Samsudin | <i>Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan</i> |
| 5. Encik Christopher Nyenggang anak Jameson Buau | <i>Jabatan Muzium Sarawak</i> |
| 6. Encik Ideris bin Lamit | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 7. Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed | <i>Kementerian Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah</i> |
| 8. Encik Asri bin Abdul Hamid | <i>Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak</i> |

ANGGOTA STAF DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Puan Magdalen anak Nangkai
2. Cik Noria binti Suut
3. Cik Nur Azira binti Abdul Kadir
4. Puan Siti Norhiza binti Mohd. Yusri
5. Puan Hanisah Abdullah
6. Cik Ily Lyana binti Rosli
7. Cik Nur Shalazia binti Morshidi @ Ramzi
8. Encik Rasdi bin Ahmad @ Tarence Bobby Johnny
9. Puan Mary Kueh Woon Sim
10. Puan Norziana binti Haji Ahmad
11. Encik Harry Harold Daud
12. Puan Katheline Killah
13. Puan Nur Eliana Abdullah
14. Puan Nazmah binti Darham
15. Puan Tracy Liana anak Bana
16. Encik Razali bin Awi
17. Encik Lukas Jammaany Anak Kated
18. Encik Zahari bin Bolhi
19. Encik Mohamad Zailani bin Junaidi
20. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
21. Encik Alwie bin Haji Ali
22. Cik Hawa binti Morsad
23. Puan Suraya binti Hamden
24. Puan Noraisah binti Ahmad
25. Cik Siti Zalilah binti Samsawi

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

1. Encik Mohd Zulkhairy bin Mohd Hajemi
2. Cik Marena binti Hazemi
3. Cik Noorain binti Mahli
4. Encik Mohd Naquiddin bin Bakery
5. Encik Mohd Izzuddin bin Mortadza
6. Cik Nurhaffizah binti Abdullah

(Mesyuarat dimulakan pada jam 11:00 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

Bacaan Perisytiharan Mesyuarat

PERLEMBAGAAN NEGERI SARAWAK

PERISYTIHARAN

**MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE LAPAN BELAS**

**TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK**

OLEH YANG TERUTAMA TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara, Satria Bintang Sarawak, Darjah Kerabat Johor Yang Dihormati Pangkat Pertama, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Brunei, Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang, Sri Panglima Darjah Kinabalu, Sri Utama Mahkota Wilayah, Darjah Seri Setia Di Raja Kedah, Darjah Gemilang Seri Melaka, Darjah Panglima Pangkuan Negeri Pulau Pinang, Seri Sultan Salahuddin Aziz Selangor, Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Kelas Pertama, Thai Royal Decoration of Knight Grand Cross First Class, Kartika Eka Paksi Naraya Indonesia, Korean Order of Unification, Honorary Officer of The Order of Australia, Pingat Pengasas Perjuangan Kemerdekaan, Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh perkara 21(1) Perlembagaan Negeri Sarawak bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri Sarawak.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya sebagaimana tersebut di atas.

ADALAH DENGAN INI, memanggil Dewan Undangan Negeri untuk bersidang pada 9 hari bulan Julai 2018, jam 9:00 pagi di Dewan Mesyuarat, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

DIPERBUAT di bawah tandatangan saya dan Mohor Besar Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 hari bulan Mei 2018.

Dengan perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg,
Ketua Menteri Sarawak.

PEMASYHURAN OLEH TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismilahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dif-dif Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan. Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya maka kita

dapat berjumpa lagi di Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sarawak Kelapan Belas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat datang dan terima kasih atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat ke persidangan pada kali ini. Persidangan kita akan berlangsung selama lapan hari mulai hari ini, Isnin, 9 Julai hingga Rabu, 18 Julai 2018. Tidak ada mesyuarat pada hari Sabtu dan Ahad, 14 dan 15 Julai 2018. Semoga kita dapat bersidang dalam suasana yang muhibbah dan penuh tatatertib.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, bagi Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas kejayaan dipilih menjadi Ahli Parlimen dalam Pilihanraya Umum Ke-14 yang lepas iaitu pada 9 Mei 2018.

Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut atas pelantikan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan pada 2 Julai 2018 yang lepas:-

- (a) Yang Berhormat Encik Baru Bian, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan N.81 Ba'Kelalan yang telah dilantik menjadi Menteri Kerja Raya Malaysia; dan
- (b) Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan N.12 Kota Sentosa yang telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia.

Dewan yang mulia ini juga mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Parlimen Sarawak yang lain. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi khidmat terbaik kepada rakyat di kawasan masing-masing khususnya dan dalam negeri Sarawak amnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted leave of absence under Standing Order 81 to:-

- (a) Yang Berhormat Datuk Haji Talib Zulpilip, Minister in the Chief Minister's Office (Integrity and Ombudsman) and Honourable Member for N.67 Jepak; and
- (b) Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen, Honourable Member for N.12 Kota Sentosa, for today's sitting.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, sukacita saya memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri akan hadir untuk menyampaikan ucapan kepada sidang Dewan pada pagi ini. Dengan itu, saya menangguhkan mesyuarat Dewan sebentar untuk membolehkan saya mengiringi keberangkatan masuk Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib ke dalam Dewan.

(Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.10 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada jam 11:21 pagi)

[Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, diiringi oleh Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Setiausaha Dewan dan Bentara Sidang masuk ke Dewan Mesyuarat]

UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PETUA NEGERI SARAWAK

Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud: Bismillahirrahmanirahim. Assalamualakum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'aala kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama lagi pada Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sarawak Yang Kelapan Belas. Saya berharap persidangan kali ini berjalan dengan lancar dalam suasana yang sopan, tertib dan berhemah seperti yang sudah menjadi amalan kita di Negeri Sarawak ini.

Tuan Speaker, pertama-tama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang Ketujuh. Ini adalah satu peristiwa yang jarang kita jumpa dalam mana-mana politik seluruh dunia ini.

Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, Malaysia akan terus maju dan makmur ke arah Wawasan 2020 yang menjadi cita-cita kita bersama. Saya juga yakin di bawah kepimpinan beliau, Kerajaan Persekutuan akan terus melaksanakan program dan projek pembangunan di negeri Sarawak demi kesejahteraan rakyat kita.

Ucapan Tahniah Kepada Pakatan Harapan Atas Pembentukan Kerajaan Persekutuan

Tuan Speaker, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pakatan Harapan atas kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Malaysia yang Keempat Belas pada 9 Mei 2018. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pakatan Harapan kerana berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru. Saya berharap dengan mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan maka Negara dan rakyat akan terus mendapat manfaat dari segi kemajuan dan kemakmuran kerana suasana kestabilan politik dan sosial yang kita telah sama-sama bina dalam Negara ini.

Ucapan Terima Kasih Kepada Suruhanjaya Pilihanraya (Spr) Di Atas Kejayaan Mengendalikan Pilihanraya Umum Malaysia Ke-14

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada SPR dan semua pihak termasuk anggota keselamatan kerana telah mengendalikan Pilihan Raya Umum Malaysia Keempat Belas (PRU14) dengan begitu lancar. Kita bersyukur, pilihan raya ini telah berjalan dengan aman tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Keadaan ini menggambarkan kematangan rakyat Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab mereka untuk memilih pemimpin di negara ini.

Peralihan Kuasa Kerajaan Persekutuan Menunjukkan Kematangan Amalan Demokrasi Dan Kestabilan Politik Di Malaysia

Tuan Speaker, kestabilan politik merupakan tunjang kepada pentadbiran dan pembangunan Negara kita. Kita bersyukur proses peralihan pucuk kepimpinan Kerajaan Persekutuan telah berjalan dengan licin, aman dan baik. Saya percaya ini adalah manifestasi kematangan amalan demokrasi di Malaysia ini. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan fahaman politik sama-sama mendukung perpaduan demi keamanan dan kestabilan politik.

Syabas dan terima kasih kepada penjawat awam yang bersikap profesional untuk memastikan Negara ini berada dalam keadaan tenteram khususnya sepanjang tempoh peralihan kuasa Kerajaan Persekutuan.

Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Sarawak Oleh Kerajaan Persekutuan

Saya percaya rakyat di Negeri Sarawak meletakkan harapan yang amat tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pembangunan di Negeri Sarawak khasnya dan diseluruh Malaysia amnya. Segala janji dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Keempat Belas (PRU14) hendaklah dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada rakyat.

Negeri Sarawak masih memerlukan projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di luar bandar. Negeri Sarawak amat luas dan penempatan penduduk pula bertaburan di kawasan luar bandar. Jaringan jalan raya perlu ditingkatkan dan liputan bekalan air dan elektrik perlu diluaskan.

Penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat perlu diperkasakan. Kawalan keselamatan juga hendaklah diperketatkan untuk memastikan rakyat di Negeri ini hidup dalam keadaan aman dan damai.

Projek-projek Kerajaan Persekutuan yang memberi impak besar kepada Sarawak hendaklah diteruskan khususnya projek-projek di kawasan luar bandar. Projek infrastruktur seperti Lebuhraya Pan Borneo hendaklah disiapkan mengikut perancangan. Projek ini amat penting kepada pembangunan sosio-ekonomi Negeri Sarawak.

Saya juga berharap pembangunan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* ataupun dengan nama pendeknya SCORE turut diperkasakan. Pelaksanaan Pelan SCORE penting untuk melonjakkan ekonomi Sarawak ke tahap yang lebih tinggi.

Sokongan Kerajaan Persekutuan juga diperlukan supaya Pembangunan Digital Ekonomi Sarawak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini penting bagi merapatkan jurang digital di antara Sarawak dengan kawasan yang lebih maju di Malaysia ini.

Kerjasama Kerajaan Pusat dan Negeri Untuk Memastikan Pembangunan Negeri Sarawak Selaras Dengan Perlembagaan Persekutuan

Tuan Speaker, saya gembira Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan mesra dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan. Kerjasama ini penting untuk meneruskan pembangunan Negeri Sarawak tanpa mengira parti politik yang memerintah.

Kerjasama yang ditawarkan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan jelas menunjukkan kematangan kepimpinan politik di Negeri Sarawak. Pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat seharusnya mendahului kepentingan-kepentingan politik.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan tanggungjawabnya kepada pembangunan di negeri Sarawak ini selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Saya percaya keikhlasan Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan akan memastikan segala perancangan pembangunan di negeri ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pembentukan Gabungan Parti Sarawak Akan Memperkukuhkan Perjuangan Negeri Ke Atas Hak, Autonomi dan Pembangunan Negeri Selaras Dengan Aspirasi Rakyat Di Era Baharu

Tuan Speaker, penubuhan Gabungan Parti Sarawak GPS oleh pimpinan Kerajaan Negeri adalah selaras dengan aspirasi rakyat Sarawak. GPS akan menyediakan landasan yang kukuh kepada Kerajaan Negeri dalam memperjuangkan hak dan autonomi Negeri Sarawak. Saya percaya GPS akan menjadi sebuah gabungan parti politik yang kuat, mantap dan dapat membawa rakyat bersatu padu demi untuk kesejahteraan dan kemajuan Negeri Sarawak.

Saya yakin GPS akan menjadi wadah penting dalam perjuangan menuntut hak Sarawak dari Kerajaan Persekutuan selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan. Saya menyeru agar Kerajaan Persekutuan memberi kerjasama ikhlas kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mencapai matlamat ini.

Saya juga yakin Kerajaan Negeri dapat menguruskan sumber semula jadi, khususnya minyak dan gas dengan baik agar dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat Negeri kita ini.

Saya gembira kerana usaha ke arah menguruskan sumber-sumber ini secara berkesan dan mampan telah dilaksanakan. Saya percaya penguatkuasaan undang-undang seperti *Oil Mining Ordinance 1958* dan *Gas Distribution Ordinance 2016* akan memastikan sumber minyak dan gas yang berharga di Sarawak dapat dibangunkan secara mampan serta berhemah untuk masa hadapan rakyat Sarawak.

Penubuhan Petroleum Sarawak Berhad (Petros) amatlah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri bagi menguruskan pembangunan industri minyak dan gas Sarawak. Ini selaras dengan aspirasi Sarawak untuk menjadi hab industri minyak dan gas yang terunggul di rantau ini serta bekerjasama dengan PETRONAS demi untuk kepentingan Negara Malaysia amnya dan Negeri Sarawak khususnya.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar hak persempadanan Sarawak terutamanya sempadan maritim mesti terus dipelihara dan dipertahankan. Ini penting agar perairan Sarawak dapat dibangunkan dan diurus untuk faedah dan kemakmuran Negeri Sarawak.

Perpaduan dan Keharmonian Rakyat Perlu Diperkukuhkan

Tuan Speaker, usaha Kerajaan Negeri dalam memperjuangkan hak dan autonomi Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan mengikut perlembagaan perlu mendapat sokongan padu seluruh rakyat Negeri ini. Saya merayu agar rakyat sentiasa memperkukuhkan perpaduan dan kestabilan politik demi masa hadapan Sarawak yang cemerlang.

Saya gembira kerana rakyat Sarawak senantiasa menyemai semangat perpaduan dan saling hormat-menghormati dalam kalangan pelbagai kaum. Ini jelas menunjukkan kematangan rakyat Sarawak keseluruhannya.

Saya yakin, perpaduan ini juga dapat dicapai kerana rakyat dan Kerajaan bersama-sama ingin memupukkan segala usaha untuk pembangunan Negeri Sarawak ini bagi seluruh rakyat Sarawak.

Perpaduan dalam kepelbagaian merupakan asas kekuatan Negeri kita. Kekuatan ini penting bagi kita mengharungi cabaran globalisasi dan perkembangan pesat teknologi maklumat.

Saya yakin Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak akan terus memimpin Negeri ini ke arah kemajuan yang pesat.

Beliau merupakan pemimpin yang bertanggungjawab, berwibawa, dinamik dan berwawasan. Saya percaya dengan sokongan padu rakyat kepada beliau, Sarawak akan terus membangun dan kebajikan rakyat akan sentiasa dipelihara.

Pembangunan Ekonomi

Prestasi Ekonomi Semasa

Saya berpuas hati dengan perkembangan ekonomi Sarawak. Dalam persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu, Sarawak masih mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif. Kadar pertumbuhan ekonomi Sarawak meningkat dari 2.3% pada tahun 2016 kepada 4.7% pada tahun 2017.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita meningkat daripada RM44 ribu pada tahun 2016 kepada RM46 ribu pada tahun 2017. Nilai eksport juga meningkat daripada RM77 billion pada tahun 2016 kepada RM96 billion pada tahun 2017.

Kadar kemiskinan berjaya diturunkan dari 0.9% pada tahun 2014 kepada 0.6% pada tahun 2016. Kadar pengangguran telah dapat dikekalkan pada tahap yang rendah, kurang daripada 4.0%.

Perkembangan ekonomi Sarawak disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh, tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang mantap oleh Kerajaan Negeri. Ini terbukti dengan penarafan kredit Sarawak yang baik oleh agensi-agensi penarafan kredit antarabangsa.

Standard and Poor's memberi penarafan *A minus* dengan prospek stabil kepada Negeri Sarawak. Manakala *Moody's Investors Service* juga memberi penarafan A3 prospek stabil kepada negeri Sarawak. Saya gembira kerana keyakinan para pelabur kepada negeri Sarawak terus meningkat dengan pencapaian ini.

Transformasi Ekonomi

Saya gembira kerana Kerajaan Negeri mempunyai pelan pembangunan yang holistic. Saya penuh yakin dengan *Socio-Economic Transformation Plan (SETP)*, *Sarawak Corridor of Renewable Energy* dan Pelan Ekonomi Digital.

Saya yakin pelaksanaan pelan-pelan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri akan mencapai kejayaan untuk membangunkan ekonomi Sarawak. Saya percaya pelan-pelan tersebut bersifat *people centric* bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat.

Saya yakin pelan-pelan pembangunan ekonomi ini akan menggalakkan pelaburan di Negeri Sarawak. Usaha ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat, terutamanya kepada golongan muda yang berbakat dan berkemahiran tinggi.

Saya memuji Strategi Pelan Ekonomi Digital Kerajaan Negeri untuk menggalakkan aplikasi teknologi digital dalam semua aspek pembangunan ekonomi. Aplikasi teknologi digital mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan di Negeri ini.

Oleh itu, kita tidak boleh ketinggalan dalam aspek digital kerana perubahan teknologi ini sangat pantas. Ianya akan mempengaruhi cara kehidupan seharian dalam pekerjaan, perniagaan dan juga hiburan.

Ekonomi Digital mampu membuka banyak peluang untuk generasi muda kita terlibat dalam bidang keusahawanan. Saya yakin anak-anak muda kita merupakan golongan yang kreatif dan inovatif sesuai dengan kehendak era digital. Saya berharap golongan belia kita yang berbakat mampu mencipta nama dalam bidang masing-masing diperingkat antarabangsa.

Saya yakin penubuhan *Sarawak Multimedia Authority (SMA)* dan *Sarawak Digital Economy Corporation (S-DEC)* akan memastikan inisiatif ekonomi digital dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk kemajuan negeri Sarawak ini.

Saya juga yakin ekonomi Sarawak akan terus maju melalui proses perindustrian khususnya Pelan Pembangunan SCORE. Saya gembira kerana SCORE telah mencapai kejayaan dalam Fasa Pertama pembangunannya di Taman Perindustrian Samalaju. Banyak industri telah pun beroperasi di taman perindustrian ini. Saya menyeru agar usaha terus dilaksanakan untuk menggalakkan aktiviti nilai tambah di Taman Perindustrian Samalaju.

Usaha juga perlu ditingkatkan untuk membawa pelaburan ke kawasan-kawasan perindustrian lain di seluruh Negeri kita ini. Ini penting untuk menjana banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat.

Transformasi Luar Bandar

Saya gembira kerana Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan yang tinggi kepada pembangunan di kawasan luar bandar khususnya kemudahan asas di luar bandar. Akses jalan raya merupakan kunci untuk membangunkan kawasan luar bandar yang mempunyai potensi ekonomi yang besar sekali.

Saya percaya pelaksanaan infrastruktur asas lain di kawasan luar bandar seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi akan disegerakan untuk kesejahteraan rakyat di luar bandar.

Saya amat gembira kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukkan yang besar bagi membangun infrastruktur asas di luar bandar dan akan terus melaksanakan dan memberi tumpuan kepada *people centric projects*.

Setelah 55 tahun kita merdeka dalam Malaysia, tidak ada sebabnya kita tidak gunakan peruntukan yang ada untuk memastikan segala masalah air, elektrik dan jalan diselesaikan, dibangunkan atau dipulihkan supaya setiap rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan tersebut sama seperti rakyat lain di tempat-tempat yang sudah maju di Malaysia.

Kesejahteraan Bandar

Pada masa kini, proses urbanisasi di negeri Sarawak semakin pesat. Bandar-bandar utama seperti Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu terus menjadi tumpuan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan, pendidikan, peluang perniagaan dan pekerjaan.

Saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan bandar supaya sentiasa mendahului keperluan rakyat. Ini termasuklah penyediaan lebih banyak perumahan mampu milik ataupun "*affordable housing*" yang selesa, kawasan rekreasi yang mencukupi dan sistem pengangkutan awam yang efisien.

Akses kepada infrastruktur dan kemudahan moden ini sudah tentu akan mengubah gaya hidup penduduk di kawasan bandar yang semakin kompleks.

Saya berharap kita akan terus mempertahankan adat dan tradisi, mengekalkan semangat kekitaan dan saling hormat-menghormati untuk memastikan kesejahteraan hidup penduduk akan terus terpelihara.

Pembangunan Sosial dan Alam Sekitar

Pendidikan yang berkualiti tinggi adalah penyumbang kepada pembangunan negara yang inklusif dan saksama. Bidang pendidikan juga sentiasa dinamik seiring dengan perubahan semasa yang berlaku.

Pembangunan infrastruktur pendidikan perlu diberi keutamaan khususnya di kawasan luar bandar. Kualiti pengajaran dan pembelajaran mestilah dipertingkatkan dengan memperkasakan golongan pendidik.

Saya menyeru agar golongan pendidik berfikir dengan lebih terbuka dan berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan kemahiran serta menjaga etika profesional perguruan.

Saya juga berpesan kepada ibu bapa supaya bekerjasama rapat dengan pihak sekolah untuk menjamin kualiti pendidikan anak-anak kita. Saya menasihatkan generasi muda menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran untuk menjamin masa depan yang cerah.

Kesihatan

Kesihatan rakyat merupakan tonggak penting pembangunan negara. Oleh itu, tahap perkhidmatan kesihatan di negeri ini perlu dipertingkatkan lagi. Ini penting bagi memastikan rakyat mendapat khidmat rawatan dan nasihat kesihatan yang sewajarnya.

Saya yakin Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif murni ini agar seluruh rakyat mendapat akses kepada kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Saya juga menyeru agar rakyat di negeri ini mengamalkan gaya hidup yang sihat bagi mengelakkan penyakit yang berkaitan dengan amalan pemakanan dan gaya hidup tidak sihat.

Keselamatan Awam

Keselamatan awam amat penting untuk menjamin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kita. Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada aspek keselamatan awam. Tahap keselamatan di pintu-pintu masuk dan sepanjang sempadan negeri perlu dipertingkatkan. Ini bagi mencegah sebarang aktiviti dan anasir luar yang boleh mengganggu ketenteraman awam kita.

Saya juga menyeru supaya pihak yang berwajib sentiasa meningkatkan tahap kawalan keselamatan ke atas aset-aset strategik dan sumber semula jadi Negeri yang berharga. Aset dan sumber ini perlu dilindungi supaya tidak diceroboh dan merugikan negeri kita.

Saya juga menyeru supaya agensi keselamatan sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi sebarang ancaman akibat aktiviti jenayah dan bencana alam. Aspek pencegahan dan perlindungan hendaklah menjadi keutamaan bagi memastikan rakyat kita

sentiasa hidup dalam keadaan aman dan tenteram dan dapat menikmati taraf-taraf kemajuan yang kita capai daripada satu masa ke satu masa.

Rakyat juga hendaklah memainkan peranan mereka dan bekerja dengan pihak berwajib bagi membendung aktiviti dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan pencegahan jenayah.

Kesejahteraan Sosial

Kesejahteraan sosial penting sekali untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu. Saya percaya pengukuhan institusi kekeluargaan menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat yang penyayang dan saling hormat-menghormati. Penerapan nilai-nilai murni hendaklah sentiasa disemai dikalangan masyarakat kita seawal usia muda.

Institusi pendidikan juga memainkan peranan utama dalam membentuk sahsiah yang baik. Ini penting untuk memastikan masyarakat kita khususnya golongan remaja lebih bertanggungjawab, rajin berusaha dan menghindari aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Kesejahteraan sosial yang kita nikmati selama ini adalah hasil daripada sikap toleransi dan saling hormat-menghormati di kalangan rakyat kita berbilang kaum di Negeri Sarawak ini. Keadaan ini telah mewujudkan *Sosial Capital* di mana masyarakat berbilang kaum dapat bekerjasama membangunkan negeri Sarawak. Saya berharap kita terus mempertahankan kesejahteraan sosial ini untuk kemakmuran negeri kita.

Kelestarian Alam Sekitar

Saya amat bersyukur kerana Sarawak masih mempunyai kualiti alam sekitar yang baik. Ini perlu dipelihara agar ianya dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Saya gembira kerana Kerajaan sentiasa prihatin dengan penjagaan alam sekitar. Setiap pelan pembangunan yang dirancang mempunyai pelan kelestarian alam sekitar.

Justeru, saya menyeru agensi penguatkuasa yang berkaitan memastikan segala usaha pemeliharaan alam sekitar ini dilaksanakan dengan tegas sebagai sebahagian cara hidup kita membina Negeri kita ini. Kelestarian alam sekitar juga memerlukan sokongan rakyat. Saya ingin berpesan agar rakyat berganding bahu dengan Kerajaan kerana penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Kecekapan Dan Ketelusan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

Saya amat gembira kerana Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) telah menunjukkan tahap profesionalisma, integriti dan kerjasama yang begitu rapat dalam kalangan anggotanya tanpa mengira bangsa dan agama dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pengurusan undang-undang dan kewangan dalam kalangan anggota Perkhidmatan Awam Negeri boleh dibanggakan dan antara yang terbaik di Malaysia seperti yang dimanifestasikan dalam kedudukan baik prestasi kewangan dan pengurusan kita.

Saya menyeru agar penjawat awam terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap, telus, ikhlas dan berintegriti. Ini penting bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Kerajaan di negeri Sarawak.

Saya juga berpesan agar sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang efektif dan efisien tanpa pembaziran terus diamalkan. Ini adalah selaras dengan aspirasi dan kehendak rakyat Sarawak.

Saya ingin berpesan supaya penjawat awam mengaplikasikan media sosial sebagai keadaan baru untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam. Media sosial sangat efektif untuk kerajaan menyampaikan maklumat penting kepada rakyat dan rakyat kepada Kerajaan kerana liputannya yang meluas dan pantas.

Justeru, maklumat yang dimuatkan dalam media sosial hendaklah tepat dan benar, bagi memastikan tindakan tepat dan segera dapat diambil oleh Kerajaan khususnya bagi isu-isu kecemasan yang dikemukakan oleh rakyat.

Saya gembira kerana Kerajaan Negeri telah menyiapkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya menyeru agar program dan projek pembangunan yang diluluskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas disiapkan mengikut jadual. Ini penting untuk memastikan pembangunan negeri yang berterusan dan memberi faedah kepada rakyat.

Saya ingin mengingatkan bahawa pembangunan aset-aset awam seperti jalanraya, bangunan sekolah, klinik dan rekreasi melibatkan pelaburan Kerajaan yang tinggi. Aset-aset awam ini perlu diurus dan disenggara secara sistematik.

Oleh yang demikian, kita hendaklah mengamalkan budaya menyelenggara estet-estet aset-aset awam agar ianya dapat digunakan secara mampan untuk kemudahan rakyat.

Peranan Golongan Belia Sebagai Pewaris

Semangat Cintakan Negara penting untuk meningkatkan patriotisme di kalangan rakyat khususnya golongan belia. Kita mempunyai jumlah belia yang ramai yang akan mewarisi legasi kita pada masa hadapan.

Mereka patut juga mengamalkan segala amalan baik yang telah mereka nampak yang dijalankan oleh generasi yang lebih tua. Sebagai pewaris negara, golongan belia perlu memperkasakan diri dengan ilmu dan kemahiran teknologi terkini bagi menguasai bidang politik, ekonomi dan sosial yang semakin mencabar pada masa hadapan.

Penguasaan teknologi terkini penting dalam dunia tanpa sempadan di era digital ini. Melalui teknologi, kita dapat merebut peluang yang ditawarkan dan mencipta kekayaan sendiri melalui kreativiti dan inovasi. Saya menyeru supaya golongan belia melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi supaya dapat menguasai dan bersaing dalam era ekonomi digital.

Saya percaya golongan belia mempunyai iltizam yang tinggi untuk berjaya. Semangat jati diri yang tinggi, rajin dan tekun berusaha pastinya akan membuah hasil untuk diri sendiri, keluarga dan negara.

Sambutan Hari Sarawak pada 22 Julai 2018

Kita akan menyambut Hari Sarawak pada 22 Julai 2018 ini. Sambutan ini adalah bagi memperingati Hari Kemerdekaan Sarawak pada 22 Julai 1963. Saya menyeru agar rakyat dapat menghayati erti kemerdekaan ini.

Kejayaan yang kita nikmati hari ini adalah hasil usaha para pemimpin Sarawak yang telah memperjuangkan kemerdekaan dan menyediakan asas pembentukan kuasa politik Negeri Sarawak ini.

Sambutan ini adalah signifikan untuk kita memperingati pengorbanan para pemimpin terdahulu. Mereka telah berjaya menyatupadukan rakyat Negeri ini dan menyediakan landasan kukuh untuk melaksanakan pembangunan seperti yang kita saksikan dan kecapai hari ini.

Penutup

Akhir sekali, saya menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat terus memberikan khidmat cemerlang di kawasan masing-masing. Mereka juga perlu menyumbang idea dan saranan yang bernas untuk membantu Kerajaan menggubal dasar-dasar yang lebih strategik bagi mempertingkatkan pembangunan dan kemakmuran negeri ini.

Saya berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berbahas dan bersidang dalam suasana yang penuh tertib, sopan dan berhemah. Tunaikanlah amanah dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas demi kepentingan rakyat dan negara. Oleh itu marilah kita bersama-sama berdoa supaya persidangan kali ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat menyumbang banyak idea dan hasrat rakyat kepada Dewan ini yang menjadi tempat kita menyusun dasar-dasar besar dan menasihatkan Kerajaan yang telah kita tubuh.

Saya juga mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada masyarakat Dayak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada masyarakat Islam sempena suasana perayaan yang masih disambut di Negeri ini pada sekarang ini. Semoga perayaan yang kita sambut ini menjadi tali pengikat silaturrahim untuk kita semua dan mengekalkan dan juga mempertingkatkan lagi bentuk perpaduan dan kemesraan rakyat Sarawak seperti yang telah kita binakan tahun-tahun yang lepas.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Bacaan Doa

Tuan Speaker: Sidang Dewan yang dihormati sekalian, bagi pihak Dewan yang mulia ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas ucapan dan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri ke-18 pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bergambar untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan diadakan di pintu utama Bangunan ini sejurus selepas jamuan tengah hari.

Dewan akan bersidang semula pada jam 9:00 pagi esok hari, Selasa, 10 Julai 2018.

(Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12:24 tengah hari)